

Sabah, Sarawak perlu letak sokongan bersyarat

Oleh OMAR ZIN

omar.zin@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Sokongan bersyarat perlu dikenakan kepada parti dari Semenanjung jika mahu mendapat sokongan ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak untuk membentuk kerajaan Persekutuan jika tiada parti yang meraih majoriti mudah dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Datuk Dr. Jeniri Amir menjelaskan, antara syarat yang boleh dikenakan adalah pelaksanaan Perjanjian Malaysia (MA63) dan jika syarat itu tidak dipenuhi sewajarnya, Sabah dan Sarawak perlu mengkaji semula sokongan terhadap parti yang memerintah.

Katanya, sokongan bersyarat lebih berkesan berbanding jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada Sabah dan Sarawak yang ditawarkan baru-baru ini.

“Sukar untuk memastikan kerjasama yang bermakna antara Sabah Sarawak dan kerajaan Persekutuan selagi gagasan asal Malaysia belum dipenuhi sewajarnya.

“Sebahagian kepentingan dan hak rakyat kedua-dua wilayah ini telah dipenuhi melalui Majlis Khas MA63, tetapi rundingan dan tun-



PEMBANGUNAN yang tidak seimbang perlu menjadi pertimbangan parti politik Sabah dan Sarawak dan dijadikan syarat jika mahu bekerjasama dengan parti Semenanjung bagi membentuk kerajaan Pusat.

tutan perlu diteruskan,” katanya.

Katanya, parti-parti di Semenanjung seharusnya menawarkan soal pembangunan, peruntukan dan ekonomi, bukan soal jawatan semata-mata.

“Kalau ia tidak dilakukan, akan wujud kekecewaan dan hubungan yang tegang, ini akan menyukarkan proses integrasi nasional,” katanya.

Minggu lalu, Pengerusi Barisan

Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menawarkan tiga jawatan Timbalan Perdana Menteri manakala Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim menawarkan dua

jawatan itu.

Dalam pada itu, pensyarah Sarjana Sains Politik Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Jayum Jawan menyifatkan, parti-parti Sabah dan Sarawak tidak seharusnya termakan dengan tawaran jawatan tersebut kerana ia sekadar janji politik.

Katanya, tawaran itu menunjukkan parti-parti dari Semenanjung terdesak untuk mendapat kerusi majoriti dan membentuk kerajaan persekutuan sehingga sanggup menawarkan jawatan kedua tertinggi negara.

“Belum menang dah janji bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri. Janji ini tidak ada kesan dan tidak ada harga kepada penduduk Sabah dan Sarawak. Sepatutnya parti-parti Semenanjung menawarkan janji seperti pelaksanaan tuntutan MA63 untuk pancing sokongan.

“Justeru, parti Sabah dan Sarawak tidak harus menyokong mana-mana parti yang tawar jawatan semata-mata sebaliknya kaji dan pilih parti mana yang beri tawaran terbaik,” katanya.

Penganalisis politik, Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi pula berpandangan, Sabah dan Sarawak perlu mempertimbangkan parti mana yang mampu memberi kelebihan jangka panjang dan bukan keuntungan jangka pendek.